

Kekalkan momentum ibadah, jumlah jemaah masih ramai untuk solat tarawih

Masuki separuh kedua Ramadan

KETIKA kempen Piala Dunia 2014 melabuhkan tirainya dengan berlangsungnya perlawanan akhir antara Argentina dan Jerman awal pagi semalam, bulan Ramadan yang disambut oleh umat Islam seluruh dunia pula telah secara rasmi memasuki fasa separuh keduanya.

Kalau dalam perlawanan bola sepak, separuh masa kedua adalah kesempatan terbaik bagi memperbaiki kelemahan semasa separuh masa pertama. Jika gawang dibolosi beberapa kali semasa separuh masa pertama, maka kesempatan di separuh masa kedua perlu digunakan semaksimal mungkin untuk memperbaiki kelemahan, memperbetulkan strategi dan mempertajamkan jentera serangan dengan harapan dapat beroleh kemenangan pada akhir perlawanan.

Jika menang akan diberi mata kemenangan, jika tewas hanya penat dan lelah yang diperolehi tanpa sebarang mata. Begitulah juga halnya dengan Ramadan yang telah kita harungi sehingga ke separuh kedua ini. Alhamdulillah, kebanyakan kita masih mengekalkan momentum ibadah sebagaimana di permulaan Ramadan. Masjid dan surau masih lagi dapat bertahan dengan jumlah jemaah yang ramai ketika solat tarawih walaupun tidak seramai ketika permulaan Ramadan.

Antara adat dan syariat: Begitulah suasananya Ramadan di tempat kita. Bila sampainya Ramadan, selain ibadah puasa, sahur dan tarawih, ia

Sesungguhnya ibadah puasa juga begitu unik berbanding ibadah-ibadah lain. Ada orang yang solat berpuasa, orang yang tidak bersolat juga berpuasa. Orang menutup aurat berpuasa, orang berpakaian seksi juga berpuasa. Orang tua berpuasa, anak-anak kecil juga berpuasa

juga sinonim dengan amalan biasa yang kita lakukan sempena Ramadan seperti bazar Ramadan, penyediaan juadah terbuka seperti murtabak, menyediakan jamuan moreh usai solat tarawih dan sebagainya. Seolah-olahnya jika tiada elemen berkenaan, maka tidak lengkaplah puasa kita.

Sesungguhnya ibadah puasa juga begitu unik berbanding ibadah-ibadah lain. Ada orang yang solat berpuasa, orang yang tidak bersolat juga berpuasa. Orang menutup aurat berpuasa, orang berpakaian seksi juga berpuasa. Orang tua berpuasa, anak-anak kecil juga berpuasa.

Namun, suka atau tidak, semua kita perlu diperingat walau apapun cara kita menerima kehadiran Ramadan, suatu hakikat yang semua perlu terima dan faham ialah natijah dan tujuan berpuasa ialah untuk meraih taqwa. Taqwa ialah matlamat utama berpuasa. Sekiranya amalan kita tidak menjurus ke arah taqwa dan jika sifat dan ciri ketakwaannya itu tidak terzahir dalam

tingkahlaku kita, maka ada suatu tidak kena dengan puasa yang kita lakukan.

Taqwa sebagai matlamat puasa: Perkataan taqwa, meskipun didengar saban waktu - sekurang-kurangnya empat kali seminggu iaitu ketika mendengar khutbah Jumaat, namun masih ramai tidak memahami akan maksud dan falsafahnya. Buktinya, tindak-tanduk umat Islam kadangkala tidak menggambarkan mereka faham akan maksud taqwa tersebut. Lalu apakah maksud taqwa itu sebenarnya?

Imam Ali bin Abi Talib mendefinisikan taqwa sebagai 'meninggalkan perbuatan maksiat dan tidak tergoda dengan rasa sudah baik mengerjakan ketaatan'. Beliau juga membahagikan ciri-ciri taqwa kepada empat iaitu *Al-Khauf minal Jalil* (Takut kepada Allah Yang Maha Agung), *Al-Amal bit Tanzil* (Beramal apa yang Allah turunkan dalam al-Quran), *Ar-Ridha bil Qalili* (Rasa cukup dengan sedikit yang kita ada) dan *Al-Ist'dad ila yaumirrahil* (bersedia menghadapi hari keberangkatan/kematian).

Imam Syafie berkata, kamu boleh lihat diri kamu berada di puncak ketakwaan apabila berlaku perkara berikut: *Al-Juud minal Qalil* (Kamu bersedekah walaupun duit yang kamu ada tinggal sedikit), *Al-War'u 'Indal Khawah* (Kamu bersikap wara' ketika kamu berseorangan) dan *An-Takuna kalimata Haqqin Inda Ma Yukhafu wa Yurja* (Kamu dapat katakan kebenaran di hadapan orang yang kamu takuti dan kamu harapkan sesuatu daripadanya).

Seterusnya Al-Hasan mendefinisikan taqwa sebagai menjaga diri daripada yang diharamkan dan menuaikan yang diwajibkan. Ibn Kathir pula menyatakan taqwa berasal daripada perkataan tawaqqi iaitu menjaga diri daripada perkara tidak diingini manakala Ibn Abbas menggambarkan orang bertaqwa ialah mereka takut dalam keadaan berwaspada daripada balasan Allah dengan meninggalkan dorongan nafsu dan mengharapkan rahmat Allah dengan percaya terhadap perkara datang daripada-Nya.

Orang solat, kita pun solat, orang puasa kita pun berpuasa. Bila ditanya falsafah puasa dan kenapa kita perlu berpuasa ada juga yang tidak tahu.

Islam agama ilmu: Ayat pertama diturunkan di dalam al-Quran ialah berkaitan ilmu iaitu ayat Bacalah (Iqra) di dalam surah Al-Alaq. Ia secara tidak langsung memberi konotasi Islam adalah agama yang berdiri di atas prinsip ilmu dan kefahaman yang jelas berteraskan dalil

dan hujjah, bukan ikut-ikutan atau warisan nenek moyang semata-mata. Islam tidak berdiri di atas emosi berteraskan apa jua sentimen tetapi di atas hujjah dan kebenaran.

Justeru, jika ilmu dan kefahaman tidak mendasari amal ibadah kita, natijahnya, tindak tanduk kita kadangkala tidak mencerminkan syariat Islam, tetapi lebih kepada adat yang telah kita anggap seperti syariat.

Seterusnya, tanpa ilmu yang jelas tentang syariat juga akan menyebabkan kita mengambil sebahagian daripada al-Quran dan meninggalkan sebahagian yang lainnya. Kita juga kadangkala akan lebih mengutamakan isu furu'(cabang) melebihi isu usul (pokok).

Penutup: Begitulah contoh senario ketidakfahaman masyarakat tentang syariat Islam menyebabkan kejahilan di dalam agama terus berterusan. Justeru, ilmu-ilmu tentang syariat Islam perlu dipertingkatkan agar amal ibadah yang kita laksanakan adalah bersandarkan ilmu dan diterima Allah hendaknya. Yang paling penting keberadaan kita di dalam Islam ini juga perlu bersandarkan ilmu dan kesedaran yang jelas bukan kerana faktor genetik atau kerana kebetulan datang daripada keluarga beragama Islam.

NISAR MOHAMMAD AHMAD
Penyelidik Tamu
Institut Pengurusan dan Penyelidikan
Fatwa Sedunia (INFAD)
Universiti Sains Islam Malaysia